

Jojo bin Putih
Lwn Spna binti Anakita

[Mahkamah Rendah Syariah Daerah Kemaman, Terengganu.
Tuan Haji Mohd Fakhruddin Bin Yusof, HMRS
Pada Isnin, 00 Zulhijjah 14XX bersamaan pada 00 Ogos 20XX]

Kes Mal Bil: 11004-046-04XX-20XX

Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Terengganu) 2017-arahan amalan No.1. Tahun 2000-pemilihan kod 046-Tuntutan Pengesahan Sabitan Nasab/Ahli waris- berlawan dengan kod 006-Permohonan Pengesahantaraan anak- seksyen 113. Siapakah yang dikaitkan sebagai bapa

Hakim Syarie	: Tuan Haji Mohd Fakhruddin Bin Yusof
Plaintif	: Jojo bin Putih,KP:XXX121-11-51XX
Defenden	: Spna binti Anakita,KP:XXX228-11-0058
Peguam Syarie Pemohon	: Tiada
Peguam Syarie Responden	: Tiada

Fakta kes

Plaintif telah berkahwin dengan Defenden pada 00/11/20XX, pada jam 11.33 pagi, di Masjid Pasir gajah, Kemaman berwalikan bapa kandung saya bernama Anakita bin Sulong. Perkahwinan mereka didaftarkan di Pejabat Agama Daerah Kemaman. Pada 00/5/20xx, pada pukul 3.27 petang Defenden telah melahirkan seorang anak perempuan yang bernama Manja binti Abdullah,(Mykid:XXX519-11-05XX). Kelahiran di Hospital Chukai, Kemaman, Terengganu. Pada 00/6/2020 Pemohon telah mendaftarkan ‘Tuntutan Pengesahan Sabitan Nasab/Ahli waris’ ke MRSD Kemaman. Sebagaimana penyata tuntutan Plaintiff kepada Defenden iaitu menuntut Mahkamah supaya mengistiharkan anak tersebut untuk menentusahkan ataupun tidak anak tersebut sebagai anak Plaintiff dan Defenden, mengenakan kos perbicaraan ke atas pihak masing-masing, dan apa-apa perintah yang relief oleh Mahkamah. Pada 00/8/20XX Hakim MRSD Kemaman telah mendengar semua keterangan pihak-pihak dan telah dibuat keputusan sedemikian.

Alasan Penghakiman

[1] Sebelum Hakim Bicara mengulas lanjut berkaitan kes ini, Hakim Bicara akan memastikan segala prosedur wajib dipatuhi untuk kesempurnaan keadilan samaada dari aspek undang-undang dan hukum syarak, agar tidak terdapat apa-apa kecacatan di dalam kes ini iaitu merangkumi:

i. Penyampain saman

Plaintif telah mendaftarkan kes ini pada 00/6/2020. Defenden telah menerima saman di kaunter pada hari yang sama dan menandatangani pada saman tersebut. Penghantar Notis telah membuat affidavit penyampaian telah sempurna untuk tindakan seterusnya oleh Mahkamah.

ii. Penentuan Pihak-pihak

Hakim Bicara dapati Plaintiff dan Defenden merupakan suami isteri di dalam kes ini. Pihak-pihak didapati menuntut bicara di dalam kes ‘Tuntutan Pengesahan Sabitan Nasab/Ahli waris’ . Selain itu alamat tempat tinggal Plaintiff dan Defenden di alamat yang sama iaitu di No. 1010, Taman Seri Kalongan Fasa 3, Teluk Kalong, 24000 Kemaman, Terengganu Hakim Bicara berpuas hati dengan penyataan dan pembutian fakta ini.

iii. Bidang kuasa Mahkamah

Berdasarkan kepada peruntukan sub-seksyen 11 (3) (b) (iii) Enakmen Mahkamah Rendah Syariah (Terengganu) 2001 adalah dibaca bersama dengan sub-seksyen 12 (1) (a), enakmen yang sama iaitu:

11.(3) Mahkamah Tinggi Syar'iah hendaklah -

- (b) Dalam bidangkuasa malnya, mendengar dan memutuskan semua tindakan dan prosiding jika semua pihak dalam tindakan atau prosiding itu adalah orang Islam dan tindakan atau prosiding itu adalah berhubungan dengan-
- (iii) nafkah orang-orang tanggungan, kesahterafan, atau penjagaan atau jagaan (hadhanah) budak-budak;

Manakala sub-seksyen 12(2)(b) Enakmen Mahkamah Syariah (Terengganu) 2001 pula memperuntukkan;

12.(2)Mahkamah Rendah Syar'iah hendaklah –

- (a)dalam bidangkuasa malnya, mendengar dan memutuskan semua tindakan dan prosiding yang mahkamah Tinggi Syariah diberi kuasa untuk mendengar dan memutuskannya, jika amanun atau nilai hal perkara yang dipertikaikan itu tidak melebihi seratus ribu ringgit atau tidak dapat dianggarkan dengan wang (tidak termasuk tuntutan hadhanah atau harta sepencarian)

[2] Dari peruntukan undang-undang di atas, dapatlah disimpulkan bahawa bidangkuasa mendengar dan memutuskan ‘Tuntutan Pengesahan Sabitan Nasab/Ahli waris’ dihadapan Hakim Bicara ini diberi oleh Mahkamah Tinggi Syariah sebagai bidangkuasa asal kepada Mahkamah Rendah Syariah Daerah Kuala Terengganu ini.

[3] Hakim Bicara menyatakan untuk kes Tuntutan Pengesahan Sabitan Nasab/Ahli waris terdapat beberapa isu persoalan untuk diputuskan iaitu:

- i. Apakah pandangan syarak dan undang-undang di dalam perkara Tuntutan Pengesahan Sabitan Nasab/Ahli Waris di hadapan Hakim MRSD Kemaman?
- ii. Bagaimakah pembuktian untuk kes Tuntutan Pengesahan Sabitan Nasab/Ahli Waris di hadapan Hakim MRSD Kemaman?

- iii. Bagaimanakah Hakim MRSD Kemaman memutuskan kes Tuntutan Pengesahan Sabitan Nasab/Ahli Waris ini?

[4] Bagi menjawap isu persoalan pertama “*Apakah pandangan syarak dan undang-undang di dalam perkara Tuntutan Pengesahan Sabitan Nasab/Ahli Waris di hadapan Hakim MRSD Kemaman?*” . Yang pertama berdasarkan kepada sabitan nasab ini, Allah SWT banyak menjelaskan di dalam al-Quran mengenai kejadian kemuliaan manusia dengan menceritakan akan adanya perkahwinan yang sah dan maka akan membawa kepada proses kejadian manusia, ia diterangkan sebagaimana di dalam surah an-Nisa’, ayat ke 58 menyatakan bahawa:

هُوَ الَّذِي خَلَقْتُمْ مِنْ نَفْسٍ وَاحِدَةٍ وَجَعَلْتُمْ مِنْهَا رَوْجَهَا لِيَسْكُنَ إِلَيْهَا فَلَمَّا تَعَشَّاهَا حَمَلْتُ حَمْلًا حَفِيقًا
فَمَرَأْتُ بِهِ فَلَمَّا أَنْفَلْتُ دَعَوَا اللَّهَ رَبَّهُمَا لَغُلَامَ آتَيْتَنَا صَالِحًا لَنَكُونَنَّ مِنَ الشَّاكِرِينَ (189)

Yang bermaksud: ” Dialah Yang menciptakan kamu dari diri yang satu dan dari padanya Dia menciptakan isterinya, agar dia merasa senang kepadanya. Maka setelah dicampurinya, isterinya itu mengandung kandungan yang ringan, dan teruslah dia merasa ringan (beberapa waktu). Kemudian tatkala dia merasa berat, keduanya (suami-isteri) bermohon kepada Allah, Tuhan mereka seraya berkata: "Sesungguhnya jika Engkau memberi kami anak yang soleh, tentulah kami termasuk orang-orang yang bersyukur".

[5] Selain itu juga, Allah SWT menjelaskan lagi bagaimana proses kejadian manusia daripada unsur tanah, adanya pensenyawaan ari mani daripada hubungan yang sah suami isteri, maka akan terbentuk sebuku darah “?????” ia mengambil dalam tempoh brp lama “????”, setelah itu akan terbentuk seketul daging atau diistilahkan sebagai “??”, ia mengambil dalam tempoh’??”

وَلَقَدْ خَلَقْنَا الْإِنْسَانَ مِنْ سُلَالَةٍ مِنْ طِينٍ (12) ثُمَّ جَعَلْنَاهُ نُطْفَةً فِي قَرَارٍ مَكِينٍ (13) ثُمَّ خَلَقْنَا النُّطْفَةَ عَلَقَةً فَخَلَقْنَا الْعَلَقَةَ مُضْعَةً فَخَلَقْنَا الْمُضْعَةَ عِظَامًا فَكَسَوْنَا الْعِظَامَ لَحْمًا ثُمَّ أَنْشَأْنَاهُ حَلْقًا آخَرَ فَتَبَارَكَ اللَّهُ أَحْسَنُ الْخَالِقِينَ (14) ثُمَّ إِنَّكُمْ بَعْدَ ذَلِكَ لَمَيِّثُونَ (15) ثُمَّ إِنَّكُمْ يَوْمَ الْقِيَامَةِ تُبْعَثُرُونَ (16)

Yang bermaksud: ” Dan sesungguhnya Kami telah menciptakan manusia dari pati (yang berasal) dari tanah(12) Kemudian Kami jadikan "pati" itu (setitis) air benih pada penetapan yang kukuh (13) Kemudian Kami ciptakan air benih itu menjadi sebuku darah beku. lalu Kami ciptakan darah beku itu menjadi seketul daging; kemudian Kami ciptakan daging itu menjadi beberapa tulang; kemudian Kami balut tulang-tulang itu dengan daging. Setelah sempurna kejadian itu Kami bentuk dia menjadi makhluk yang lain sifat keadaannya. Maka nyatakan kelebihan dan ketinggian Allah sebaik-baik Pencipta.(14) Kemudian, sesungguhnya kamu sesudah itu akan mati.(15) Kemudian sesungguhnya kamu akan dibangkitkan hidup semula pada hari kiamat.(16)

[6] Di dalam peruntukan syarak adalah bahawa seorang anak adalah wajib dinasabkan kepada bapanya yang sebenar dan tidak boleh dinasabkan kepada bapa yang palsu atau bapa yang tidak sah, ia dijelaskan di dalam firman Allah SWT di dalam surah al-Ahzab ayat 5 iaitu:

أَذْعُوهُمْ لِإِبَائِهِمْ هُوَ أَقْسَطُ عِنْدَ اللَّهِ

Yang bermaksua: " Panggilah anak-anak angkat itu dengan ber"bin"kan kepada bapa-bapa mereka sendiri; cara itulah yang lebih adil di sisi Allah."

[7] Nasab keturunan sebelah ibu tetap berlaku pada semua keadaan kelahiran sama ada sah taraf atau pun tidak. Adapun nasab keturunan sebelah bapa, ia hanyalah berlaku daripada hasil perkahwinan yang sah atau perkahwinan yang fasid atau persetubuhan syubhah atau pun pengakuan daripada keturunan. Sebagaimana hadis Nabi SAW menyatakan bahawa:

الولد للفراش وللعاهر الحجر

Maksudnya, "Anak yang lahir daripada hamparan (yang sah) berhak disabitkan nasab keturunan dan penzina berhak dilontar dengan batu".

[8] Ini menjelaskan bahawa anak yang lahir daripada hubungan suami isteri yang sah boleh dinasabkan keturunannya kepada bapa, manakala hasil perbuatan zina tidak layak menjadi sebab bagi mewujudkan seseorang sah nasabnya. Bahkan jika merujuk kepada hadis ini hak orang yang berzina adalah dengan dikenakan hukuman hudud iaitu direjam sehingga mati bagi mereka yang berkahwin.

[9] Manakala di dalam peruntukan undang-undang mengenai kes tuntutan Tuntutan Pengesahan Sabitan Nasab/Ahli Waris dinyatakan di dalam seksyen 113 Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Terengganu) 2017 menyatakan bahawa:

Siapakah yang dikaitkan sebagai bapa

113. Jika seseorang perempuan yang berkahwin dengan seseorang lelaki melahirkan seorang anak lebih daripada enam bulan qamariah dari tarikh perkahwinannya itu atau dalam masa empat tahun qamariah selepas perkahwinannya itu dibubarkan sama ada oleh sebab kematian lelaki itu atau oleh sebab perceraian, dan perempuan itu pula tidak berkahwin semula, maka lelaki itu hendaklah disifatkan sebagai bapa anak itu, tetapi lelaki itu boleh, dengan cara li'an atau kutukan, menafikan anak itu sebagai anaknya di hadapan Mahkamah.

[10] Di dalam peruntukan di atas menyatakan secara umum, bahawa sekiranya seorang perempuan disabitkan sah berkahwin dengan seorang lelaki, selepas itu melahirkan anak selepas daripada 6 bulan qamariah daripada tarikh aqad perkahwinan mereka, maka suami tersebut disifatkan sebagai bapa kepada anak itu. Atau dalam masa empat tahun qamariah selepas perkahwinan mereka itu dibubarkan samada oleh kerana sebab kematian lelaki atau sebab perceraian, perempuan itu tidak berkahwin lain, maka suami tersebut disifatkan sebagai bapa kepada anak itu. Peruntukan ini juga menjelaskan juga lelaki tersebut boleh dengan pilihannya untuk menafikan anak ini dengan cara li'an dengan mendaftarkan pengaduan ini ke Mahkamah untuk disabitkan.

[11] Begitu juga sebagaimana di dalam seksyen 13 dan 13 Akta Pendaftaran Kelahiran dan Kematian 1957 (Akta 299) atau "Births and Deaths Registration Act 1957", menyatakan bahawa:

Section 13. Provisions as to father of illegitimate child

“Notwithstanding anything in the foregoing provisions of this Act, in the case of an illegitimate child, no person shall as father of the child be required to give information concerning the birth of the child, and the Registrar shall not enter in the register the name of any person as father of the child except at the joint request of the mother and the person acknowledging himself to be the father of the child, and that person shall in that case sign the register together with the mother.”

Section 13A. Surname of child

13A. (1) The surname, if any, to be entered in respect of a legitimate child shall ordinarily be the surname, if any, of the father.

(2) The surname, if any, to be entered in respect of an illegitimate child may where the mother is the informant and volunteers the information, be the surname of the mother; provided that where the person acknowledging himself to be the father of the child in accordance with section

[12] Juga dijelaskan di dalam seksyen 4, Akta Kesahtaraan 1961 (Akta 60) atau “Legitimacy Act 1961”, iaitu:

Section 4. Legitimation by subsequent marriage of parents

Subject to section 3, where the parents of an illegitimate person marry or have married one another, whether before or after the prescribed date, the marriage shall, if the father of the illegitimate person was or is at the date of the marriage domiciled in Malaysia, render that person, if living, legitimate from the prescribed date or from the date of the marriage, whichever is the later.

[13] Oleh yang demikian hal mengenai kesahantaraan anak ini dinyatakan secara umum samada di dalam di dalam Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Terengganu)2017, Akta Pendaftaran Kelahiran dan Kematian 1957 (Akta 299) atau “Births and Deaths Registration Act 1957” dan Akta Kesahtaraan 1961 (Akta 60) atau “Legitimacy Act 1961”. Ini jelas menunjukkan isu kesahantaraan anak merupakan perkara penting dan tidak boleh dipandang remeh, kerana ia melibatkan kesan dan hukum selepas daripada disabitkan sahtaraf atau sebaliknya dari aspek undang-undang.

[14] Bagi menjawab persoalan kedua pula iaitu “**Bagaimakah pembuktian untuk kes Tuntutan Pengesahan Sabitan Nasab/Ahli Waris di hadapan Hakim MRSD Kemaman?**” Hakim Bicara menentukan pembuktian berdasarkan kepada konsep hadis Nabi SAW iaitu:

لَوْ يُعْطَى النَّاسُ بِدَعْوَاهُمْ لَاَدْعَى نَاسٌ دِمَاءَ رِجَالٍ وَأَمْوَالَهُمْ وَلَكِنَّ الْبَيْنَةَ عَلَى الْفَدَعِيِّ، وَالْيَمِينَ عَلَى مَنْ أَنْكَرَ

Yang bermaksud:” Sekiranya diberikan kepada manusia itu semata dengan mengikut dakwaan-dakwaan mereka, nescayalah orang ramai akan mendakwa darah dan harta orang lain (sebagai milik mereka). Akan tetapi bukti ke atas orang yang mendakwa, sumpah ke atas orang yang mengingkari tuduhan ke atas dirinya.”

[15] Hakim Bicara merujuk kepada iqrar yang diangkat keterangan semasa permulaan perbicaraan di dalam dewan Mahkamah pada 10/08/2020, pada pukul 11.00 pagi di hadapan Hakim Bicara di MRSD Kemaman. ‘Iqrar dari segi bahasa membawa maksud mensabitkan, manakala dari segi istilah syarak adalah sebagai memberitahu hak seseorang atas dirinya. Iqrar juga dimaksudkan sebagai iktiraf.

[16] Menurut hukum syarak pengakuan atau iqrar Pemohon merupakan hujah dan bukti yang paling kuat dan kukuh dalam konteks pembuktian kerana kebanyakkan hak atau kepentingan tidak boleh dibuat kesaksian atau dikemukakan bukti bertulis bagi memperakuinya atau membuktikan kewujudannya. Iqrar sebagaimana di dalam teks syarak, karangan Al-‘Allamah Abi Bakr Othman bin Muhammad Shatta al-Dumyati, I’aanah al-Thalibin menyatakan bahawa:-

هُوَ لِغَةُ الْإِثْبَاتِ وَشَرِعًا اخْتِيَارُ الشَّخْصِ بِحَقِّ عَلَيْهِ وَيُسَمَّى اعْتِرَافًا

Terjemahannya:“Iqrar dari segi bahasa bermaksud mensabitkan, manakala dari segi istilah bermaksud memberitahu hak seseorang atas dirinya, juga dinamakan sebagai satu pengiktirafan”

[17] Telah menjadi kesepakatan dan ijmak para ulamak bahawa iqrar adalah satu cara pembuktian yang boleh diterima pakai di Mahkamah sebelum memutuskan keputusan kepada pihak-pihak. Ini juga berdasarkan kepada firman Allah SWT di dalam surah an-Nisa’, ayat 135:-

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا كُوْنُوا قَوَامِينَ بِالْقِسْطِ شُهَدَاءَ اللَّهِ وَلَا عَلَىٰ أَنفُسِكُمْ أَوِ الْوَالِدَيْنِ وَالْأَقْرَبَيْنِ إِنْ يَكُنْ غَنِيًّا
أَوْ فَقِيرًا فَاللَّهُ أَوْلَىٰ بِهِمَا فَلَا تَتَّبِعُوا الْهَوَىٰ أَنْ تَعْدِلُوا وَإِنْ تَلْعُوْا أَوْ ثُعْرِضُوا فِيْنَ اللَّهُ كَانَ بِمَا تَعْمَلُونَ خَبِيرًا

Yang bermaksud: “Wahai orang-orang yang beriman, jadilah kamu orang yang benar-benar penegak keadilan, menjadi saksi karena Allah biarpun terhadap dirimu sendiri atau ibu bapa dan kaum kerabatmu. Jika ia kaya ataupun miskin, maka Allah lebih tahu kemaslahatannya. Maka janganlah kamu mengikuti hawa nafsu karena ingin menyimpang dari kebenaran. Dan jika kamu memutar balikkan (kata-kata) atau enggan menjadi saksi, maka sesungguhnya Allah adalah Maha Mengetahui segala apa yang kamu kerjakan”

[18] Berdasarkan kepada peruntukan seksyen Seksyen 17, Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Terengganu) 2001 memperuntukkan;

Seksyen 17. Iqrar ditakrifkan.

(1) *Iqrar ialah suatu pengakuan yang dibuat oleh seseorang secara bertulis atau lisan atau dengan isyarat, menyatakan bahawa dia mempunyai obligasi atau tanggungan terhadap seseorang lain berkenaan dengan sesuatu hak.*

(2) *Sesuatu iqrar hendaklah dibuat-*

(a) di dalam Mahkamah, di hadapan Hakim; atau

(b) di luar Mahkamah, di hadapan dua orang saksi lelaki yang ‘aqil, balih dan ‘adil.

(3) *Sesuatu iqrar yang berhubungan dengan apa-apa fakta persoalan atau fakta relevan ialah qarinah.*

[19] Juga sebagaimana dijelaskan lagi di bawah seksyen 18 Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Terengganu) 2001 memperuntukkan;

Seksyen 18. Kebolehenerimaan iqrar.

(1) Iqrar yang berikut tidak boleh diterima:

(a) iqrar seseorang yang tidak 'aqil baligh;

(b) tertakluk kepada subseksyen (2), iqrar orang belum dewasa;

(c) iqrar orang gila atau orang terencat akal (ma'tuh) ;

(d) iqrar wali atau penjaga yang dibuat bagi pihak seseorang yang dibawah jagaan atau tanggungjawabnya;

(e) iqrar yang tidak dibuat secara sukarela; atau

(f) iqrar seseorang yang dihalang di bawah mana-mana undang-undang bertulis untuk mentadbirkan hartanya (Mahjur 'alaih)

(2) Iqrar yang dibuat oleh seseorang orang belum dewasa yang mumayyiz yang telah dibenarkan oleh wali atau penjaganya untuk menjalankan apa-apa perniagaan atau urusan boleh diterima setakat yang iqrar itu adalah berhubungan dengan perniagaan atau urusan itu.

(3) Pihak yang mendapat faedah daripada sesuatu iqrar tidaklah semestinya seorang yang 'aqil baligh.

Huraian -Jika orang yang membuat iqrar menyatakan bahawa barang atau harta adalah bagi faedah orang belum dewasa yang belum mumayyiz, iqrarnya boleh diterima dan orang yang membuat iqrar itu adalah terikat dengan pernyataannya.

[20] Keperincian iqrar ini juga dinyatakan di dalam teks syarak, karangan As-Sheikh Shamsuddin Muhammad bin Ahmad as-Syarbiniy al-Khatib, Mughni al-Muhtaj, menyatakan bahawa

واركانه اربعة مقر و مقر له وصيغة و مقر به

Terjemahannya: "Rukun iqrar itu ada empat perkara iaitu muqirrun (orang yang melafazkan iqrar), muqarrunluh (orang/pihak yang diberikan iqrar untuknya oleh pembuat iqrar), sighah (ucapan atau kata-kata iqrar), dan muqirrun bihi (hak atau kepentingan yang diiktiraf oleh orang yang beriqrar)."

[21] Di dalam kes ini, pembuktian yang dirujuk oleh Hakim Bicara berdasarkan kepada iqrar Pemohon, Responden, dan juga pembuktian secara dokumen. Pembuktian yang pertama adalah merujuk kepada iqrar Pemohon di dalam keterangan Pemohon. Pemohon pada kes ini telah mengangkat iqrar untuk memberi keterangan yang benar pada 00/8/20XX, pada pukul 11.00 pagi di dalam dewan MRSD Kemaman, di hadapan Hakim Bicara dengan menyatakan iqrar pengakuannya bahawa dia mengaku bahawa dia telah berkahwin dengan Spna binti Anakita, Responden pada hari Jumaat 00/11/2019 di Masjid Pasir gajah, Kemaman berwalikan bapa kandung saya bernama Anakita bin Sulong pada jam 11.33 pagi. Pemohon nyatakan iqrar pengakuannya bahawa dia mengaku bahawa dia telah mendaftarkan anak yang bernama Manja binti Abdullah di Jabatan Pendaftaran Negara(JPN) yang mana direkodkan oleh JPN bahawa anak ini lahir pada 19/5/2020, di hospital Kemaman pada

pukul 3.27 petang. Dan Pemohon menyatakan iqrar pengakuannya bahawa dia mengaku bahawa tiada kesilapan pada rekod JPN cuma mempertikaikan keputusan JPN yang tidak membenarkan anak ini ‘dibinkan’ ke atas nama Pemohon iaitu Jojo bin Putih. Pemohon juga menyatakan iqrar pengakuannya bahawa dia mengaku bahawa dia seorang yang sihat, tidak mempunyai kecacatan seperti mandul atau mati pucuk. Pemohon menyatakan iqrar pengakuannya bahawa dia ada melakukan hubungan kelamin sebelum perkahwinan dan selepas perkahwinan.

[22] Manakala berdasarkan kepada iqrar Responden, mengangkat iqrar memberi keterangan yang benar pada 00/8/2020, pada pukul 11.00 pagi di dalam dewan MRSD Kemaman, di hadapan Hakim Bicara dengan menyatakan iqrar pengakuannya bahawa dia bersetuju dengan semua keterangan Pemohon. Bahawa Responden bersetuju bahawa perkahwinan dengan Pemohon pada 00/11/2019, pada jam 11.33 pagi, di Masjid Pasir gajah, Kemaman berwalikan bapa kandung Responden bernama Anakita bin Sulong merupakan perkahwinan kali pertama beliau. Responden bersetuju dan beriqrar bahawa dia telah mengandung sebelum perkahwinan dengan Pemohon hasil perbuatan Pemohon sendiri. Responden bersetuju bahawa dia ada melakukan hubungan kelamin selepas perkahwinan dengan Pemohon sahaja tidak ada dengan orang lain. Responden bersetuju bahawa dia melahirkan anak tersebut pada 19/5/2020, di hospital Kemaman pada pukul 3.27 petang.

[23] Seterusnya, Hakim bicara juga merujuk kepada pembuktian secara keterangan dokumen, ia dijelaskan sebagaimana di dalam peruntukkan seksyen 23. Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Terengganu) 2001 iaitu:

23. Bila catatan dalam rekod awam yang dibuat pada melaksanakan kewajipan ialah qarinah.

Sesuatu catatan dalam mana-mana daftar, rekod atau mana-mana buku awam atau buku rasmi yang lain yang menyatakan sesuatu fakta persoalan atau fakta relevan dan dibuat oleh seseorang pengkhidmat awam pada menunaikan tugas rasminya atau oleh mana-mana orang lain pada melaksanakan sesuatu kewajipan yang diperintahkan dengan khususnya oleh undang-undang negara di mana daftar, rekod atau buku itu disimpan, ialah dengan sendirinya qarinah.

[24] Sebagaimana dinyatakan oleh Pemohon merujuk kepada dokumen perkahwinan Pemohon dan Responen yang didaftarkan dan ditender sebagai eksibit ‘P1’ merujuk kepada surat perakuan nikah Pemohon dan Responden yang dikeluarkan oleh Pejabat Agama Daerah Kemaman yang ditandatangani oleh Haji Muhammad Zamri bin Nik merupakan Pendaftar Pejabat Agama Daerah Kemaman. Selain itu juga merujuk kepada dokumen sijil kelahiran ke atas anak bernama Manja bt Abdullah,(Mykid:XXX519-11-XX02) yang ditender sebagai eksibit ‘P2’ yang dikeluarkan oleh JPN dan ditandatangani oleh Pendaftar Besar Kelahiran & Kematian Malaysia. Oleh yang demikian berdasarkan kepada iqrar Pemohon dan Responden disokong oleh pembuktian secara dokumen ‘P1’ dan ‘P2’ ini membolehkan Mahkamah menilai dan memutuskan keputusan bagi permohonan pihak-pihak.

[25] Bagi menjawab persoalan ketiga pula “***Bagaimakah Hakim MRSD Kemaman memutuskan kes Tuntutan Pengesahan Sabitan Nasab/Ahli Waris ini?***” Hakim bicara memulakan dengan merujuk kepada peruntukkan undang-undang terlebih dahulu mengenai kes Tuntutan

Pengesahan Sabitan Nasab/Ahli Waris, iaitu berdasarkan kepada seksyen 113 Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Terengganu) 2017 menyatakan bahawa:

Siapakah yang dikaitkan sebagai bapa

113. Jika seseorang perempuan yang berkahwin dengan seseorang lelaki melahirkan seorang anak lebih daripada enam bulan qamariah dari tarikh perkahwinannya itu atau dalam masa empat tahun qamariah selepas perkahwinannya itu dibubarkan sama ada oleh sebab kematian lelaki itu atau oleh sebab perceraian, dan perempuan itu pula tidak berkahwin semula, maka lelaki itu hendaklah disifatkan sebagai bapa anak itu, tetapi lelaki itu boleh, dengan cara li'an atau kutukan, menafikan anak itu sebagai anaknya di hadapan Mahkamah.

[26] Adalah di dalam peruntukan ini, tidak menyatakan secara terperinci bagaimana kaedah atau pengiraan secara tepat untuk ditentukan status nasab anak untuk dibinkan kepada bapa kandung. Peruntukan ini hanya menjelaskan bahawa '*jika seseorang perempuan yang berkahwin dengan seseorang lelaki, melahirkan seorang anak lebih daripada enam bulan qamariah dari tarikh perkahwinannya , maka lelaki itu hendaklah disifatkan sebagai bapa anak itu'*'

[27] Hakim Bicara juga menyatakan bahawa semasa prosiding perbicaraan, Pemohon menyatakan bahawa dia dan Responden memohon untuk anak ini dinasabkan kepada beliau Pemohon, suami kepada ibu anak ini 'Manja bt Abdullah, Mykid:XXX519-11-XX02' yang menjadi persoalan utama di dalam kes ini.

[28] Hakim Bicara menjelaskan bahawa di dalam peruntukan undang-undang menjelaskan bahawa sekiranya terdapat apa-apa lakuna atau perkara yang tidak diperuntukan dengan nyata dalam enakmen ini, Mahkamah hendaklah merujuk kepada hukum syarak, ia berdasarkan kepada peruntukan 140 Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Terengganu) 2017 iaitu:

Hukum Syarak

140. (1) Mana-mana peruntukan atau tafsiran peruntukan di bawah Enakmen ini yang berlawanan dengan Hukum Syarak hendaklah terbatas setakat yang berlawanan itu.

(2) Jika terdapat apa-apa lakuna atau perkara yang tidak diperuntukan dengan nyata dalam enakmen ini, Mahkamah hendaklah merujuk kepada hukum syarak

[29] Selain itu juga, Mahkamah menyatakan di dalam ***kes Tuntutan Pengesahan Sabitan Nasab/Ahli Waris ini***, Hakim Bicara mendahuluikan mazhab syafie yang menjadi asas pendirian Pemerintah/Sultan berdasarkan kepada peruntukan seksyen 2. Enakmen Undang-undang keluarga Islam Terengganu 2017 iaitu:

Tafsiran

2. (1) Dalam Enakmen ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain –

'Hukum Syarak' ertiannya Hukum Syarak mengikut Mazhab Syafie atau mengikut manamana satu Mazhab Maliki, Hanafi atau Hanbali;

[30] Juga berdasarkan kepada peruntukan peruntukan seksyen 26, Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam Terengganu 1986 iaitu:

Seksyen 26. Kuasa-kuasa yang kena diikut.

(1) Dalam membuat dan mengeluarkan sebarang fatwa atau kaedah pengertian atas apa-apa perkara mengenai Hukum Syara' menurut seksyen 25, maka hendaklah Jawatankuasa Fatwa itu berpandukan kepada **Mazhab Syafi'i**, kecuali bagi maksud kemuslihatan dan kebijakan orang-orang Islam maka bolehlah ia mengeluarkan fatwa atau kaedah pengertian berpandukan kepada mana-mana Mazhab yang empat atau Mazhab lain yang difikirkan sesuai oleh Jawatankuasa Fatwa.

[31] Mahkamah menyatakan lagi bahawa keputusan yang dikeluarkan oleh Mahkamah adalah sebanding dengan satu keputusan yang disepakati iaitu menyamai ijmak dan merupakan menyelesaian kepada pertikaian tersebut;

المذهب الشافعي حرم ذلك ، ووجب إنكاره على كل ذي قدرة ولو حنفيا بيده ثم بسانه ثم بقلبه ، إذ هو حرام في عقيدة الفعل، فيجب إنكاره كالمجمع عليه، ووجب الشافعي نقضه ، و حينئذ ترتفع شبهة الخلاف

Terjemahannya:

Adalah tetap pada mazhab Syafie adalah haram perbuatan itu(mereka yang mempermalkan urusan kehakiman). Dan wajib melarang atas setiap yang mempunyai kuasa walaupun daripada Qadi Hanafi(menunjukkan semua pihak yang terlibat dengan urusan kehakiman) menghalang dengan tangan, kemudian dengan lidah, kemudian dengan hati-kerana perbuatan tersebut adalah haram pada aqidah si pelaku dan wajib menghalang perbuatan tersebut kerana perintah daripada seorang hakim merupakan sama seperti hukum yang dijadikan ijmak ke atasnya. Dan wajib bagi Qadi Syafie yang lain untuk membatalkan perubahan tersebut. Dan ketika itu terangkatlah(hilanglah) syubhah khilaf(keraguan).

[32] Oleh yang demikian, Hakim Bicara menyatakan bahawa adalah telah jelas dan tiada keraguan oleh pihak-pihak yang hadir ke MRSD Kemaman bahkan seluruh negeri di Malaysia, mewajibkan berpegang atau mendahului pandangan mazhab Syafie berbanding dengan mazhab-mazhab lain, jika tidak dilakukan perkara ini akan menjadi kecelaran dan masyarakat akan bermain-main dengan hukum syarak yang tidak diseragamkan.

[33] Adalah telah dijelaskan secara terperinci di dalam teks syarak bahawa menjelaskan kiraan nasab anak sebagaimana dijelaskan di dalam teks syarak, *Bujairami ala Khatib, syarah Iqna'*, karangan Sulaiman bin Umar bin Muhammad Al-Bujairimi, membuat kaedah pemahaman yang jelas iaitu:

و أعلم أن الشهر متى أطلق في كلام الفقهاء، فلمراد به الملاي إلا في ثلاثة مواضع في المميزة الفاقدة شرعاً ، وفي المتحيز، وفي الحمل بالنظر لأقله ، وغلبه فإن الشهر في هذه الموضع عددي أعني ثلثين كما أفاد شيخنا ح ف

Terjemahannya: "Ketahuilah oleh kamu, apabila disebut dengan kalimah bulan, maka difaham oleh kalam fuqaha' disebut bulan secara kiraan fasal-fasal bulan(samada 29 atau

30), kecuali pada tiga keadaan iaitu, (1)pada masalah budak perempuan yang mumaijizah(dia boleh membezakan darah haid atau bukan, yang ingin dikira baligh sebab kedatangan haid), (2)pada masalah kiraan menentukan darah haid dengan darah kotor yang lain, (3)Pada masalah kiraan mengandung dengan melihat sekurang-kurang kandung(6 bulan 2 lahzah), dan pada keadaan ini wajib kiraan bulan pada tempat ini secara berbilang yang sempurna iaitu 30 hari, sebagaimana diperjelaskan oleh syeikh kami iaitu (syeikh Al-Hifni)”

[34] Maka dapat difaham pada penjelasan syarak ini, adalah jelas telah dibuat disebut satu kaedah bagaimana konsep pengiraan untuk masalah anak yang dikandungkan untuk dihukum sah taraf atau sebaliknya, iaitu mewajibkan kiraan sempurna iaitu 30 hari selama tempoh 6 bulan menyamai 180 hari sempurna, sehari semalam atau cukup 24 jam, atau dengan jumlah selama 4320 jam.

[35] Kiraan ini juga diperjelaskan oleh teks syarak, *Hasyiah I'anah al-Thalibin 'ala Hall Alfazh Fath al-Mu'in*, karangan al-'Allamah 'Abu Bakr Utsman bin Muhammad Syata al-Dimyathi al-Bakri, masa halaman 48, jilid ke 4, cetakan Dar al-Fikr, Beirut, Lubnan 1998, menjelaskan kiraan nasab anak ini hendaklah sempurna dan cukup 180 hari iaitu:

وأعلم : أنه يمكن انقضاءها بوضع للنام في الصورة الإنسانية بستة أشهر عديدة و هي مائة وثمانون يوما و لحظتان ، لحظ للوطء و لحظة للوضع من حين إمكان اجتماعهما بعد النكاح .

Terjemahannya: “Ketahuilah oleh kamu, mungkin akan habis tempoh selesai kandungan, dengan lahirnya kandungan yang sempurna pada rupa manusia, dengan umur 6 bulan secara kiraan bulan yang sempurna iaitu 180 sehari semalam(24 jam) dan 2 lahzah(saati/perbuatan), dengan lahzah hubungan kelamin suami isteri dan lahzah kelahiran, dikira tempoh masa ini dengan kebarangkalian suami isteri berhimpun selepas aqad nikah”

[36] Oleh yang demikian, diketahui secara jelas, bahawa kaedah pengiraan nasab anak untuk dihukum sah taraf atau sebaliknya dengan dikira 180 hari secara sempurna iaitu 24 jam, sebagaimana rujukan di atas ini, bahkan Hakim Bicara menyatakan tiada pandangan atau kaedah pengiraan pada mazhab Syafie dengan dikira mengikut kiraan bulan samada dikira 30 pada sesuatu bulan dan 29 pada sesuatu bulan.

[37] Bahkan di dalam status kesahan anak ini adalah dipandang serius oleh syarak untuk menghukum dikira sah nasab atau kesahantarafan anak, kerana sekiranya telah diketahui bahawa anak tersebut dikandung sebelum aqad perkahwinan dengan perbuatan zina oleh ibu bapanya sebelum berkahwin dan seterusnya berkahwin dan anak ini lahir cukup bahkan melebihi daripada 6 bulan atau 180 hari tetap dihukum anak zina, atau anak tidak sah taraf. Ini dijelaskan oleh oleh semua mazhab sebagaimana dinyatakan di dalam teks syarak iaitu, al Mabsud, karangan, Syeikh Sarkhasyi, jilid 17, halaman 154, juga dinyatakan di dalam al-Bada'i' as-Sana'i', karangan Syeikh al-Kasanie, jilid 6, halaman 243, juga dinyatakan di dalam Asna al-Mathlib fi Syarah Rau al-Thalibin, jilid 3, halaman 20, di dalam al-Mughni, karangan Ibn Qudamah, jilid 6, halaman 228, dan di dalam al-Muhalla, karangan Ibn Hazm, jilid 10, halaman 142 menyatakan bahawa:

أن ابن الزنا لا ينسب إلى الزياني وادعاته واستلحقه به، وهو قول عامة العلماء من المذهب الأربعة والظاهريه وغيرهم ، وبناء على هذا القول : فإن ولد الزنا، ذكرا كان أو أنثى، لا ينسب إلى الزياني ، ولا يقال إنه ولده ، وإنما ينسب إلى أمه ، وهو حرم لها ، ويرثها كبقية أبنائها.

Terjemahan: “adalah anak zina, tidak boleh dinasabkan kepada lelaki penzina, dan memanggilnya bapa kandung atau untuk meminta dinasabkan anak hasil perzinaan tersebut, itu adalah pandangan yang menyeluruh oleh semua ulamak, daripad 4 mazhab, mazhab zahiriah, atau selain daripada mereka, hasil daripada pandangan ini, adalah anak zina, samada lelaki atau perempuan, tidak boleh dinasabkan kepada lelaki zina, tidak boleh memanggil anak zina akan bapa zina bapa kandungnya, hanya boleh dinasabkan kepada ibu kandungnya sahaja, dan ia menjadi mahram daripada apa yang dilahirkan oleh ibunya, (keturunan di atas dan di bawah), dan dia mendapat perwarisan daripada ibunya sama seperti kalangan adik beradik(daripada keturunan ibunya sahaja)”

[38] Bahkan telah menjadi ijmak di dalam sistem fatwa di Malaysia, iaitu mana-mana anak zina yang lahir walaupun cukup 6 bulan, diharamkan dinasabkan kepada bapa penzina tersebut. Ia sebagaimana dijelaskan di dalam website mufti wilayah, <https://muftiwp.gov.my/artikel/bayan-linnas/736-bayan-linnas-siri-ke-106-isu-penamaan-bin-binti-abdullah-kepada-anak-tidak-sah-taraf-oleh-mahkamah-rayuan>, iaitu:

“bahawa yang sahih daripada pendapat ulama bahawa tidak boleh disabitkan nasabnya kepada yang menyebutuhinya ibunya kecuali nikah yang sah atau fasid, nikah syubhah, perhambaan atau syubhah perhambaan.”

[39] Di dalam kes ini, Pemohon telah secara iqrar menyatakan bahawa dia ada melakukan perbuatan zina dengan pasangannya sehingga mengandung sebelum aqad nikah yang sah pada 23/11/2019, pada pukul 11.33 pagi, ia dinyatakan secara pembuktian dokumen sebagaimana eksibit ‘P1’. Manakala pada 19/5/2020, pada pukul 3.27 petang Defenden telah melahirkan seorang anak perempuan yang bernama Manja bt Abdullah,(Mykid:XXX519-11-XX02) .

[40] Mahkamah mendatangkan cara pengiraan untuk samada mensabitkan anak sah atau tidak iaitu sebagaimana sedemikian:

Bilangan	Tarikh	Masa	Perkara
0	23/11/2019	11.33 pagi	Aqad nikah
1	24/11/2019	11.33 pagi	
2	25/11/2019	11.33 pagi	
3	26/11/2019	11.33 pagi	
4	27/11/2019	11.33 pagi	
5	28/11/2019	11.33 pagi	
6	29/11/2019	11.33 pagi	
7	30/11/2019	11.33 pagi	
8	1/12/2019	11.33 pagi	

9	2/12/2019	11.33 pagi
10	3/12/2019	11.33 pagi
11	4/12/2019	11.33 pagi
12	5/12/2019	11.33 pagi
13	6/12/2019	11.33 pagi
14	7/12/2019	11.33 pagi
15	8/12/2019	11.33 pagi
16	9/12/2019	11.33 pagi
17	10/12/2019	11.33 pagi
18	11/12/2019	11.33 pagi
19	12/12/2019	11.33 pagi
20	13/12/2019	11.33 pagi
21	14/12/2019	11.33 pagi
22	15/12/2019	11.33 pagi
23	16/12/2019	11.33 pagi
24	17/12/2019	11.33 pagi
25	18/12/2019	11.33 pagi
26	19/12/2019	11.33 pagi
27	20/12/2019	11.33 pagi
28	21/12/2019	11.33 pagi
29	22/12/2019	11.33 pagi
30	23/12/2019	11.33 pagi
31	24/12/2019	11.33 pagi
32	25/12/2019	11.33 pagi
33	26/12/2019	11.33 pagi
34	27/12/2019	11.33 pagi
35	28/12/2019	11.33 pagi
36	29/12/2019	11.33 pagi
37	30/12/2019	11.33 pagi
38	31/12/2019	11.33 pagi
39	1/1/2020	11.33 pagi
40	2/1/2020	11.33 pagi
41	3/1/2020	11.33 pagi
42	4/1/2020	11.33 pagi
43	5/1/2020	11.33 pagi
44	6/1/2020	11.33 pagi
45	7/1/2020	11.33 pagi
46	8/1/2020	11.33 pagi
47	9/1/2020	11.33 pagi
48	10/1/2020	11.33 pagi
49	11/1/2020	11.33 pagi
50	12/1/2020	11.33 pagi
51	13/1/2020	11.33 pagi
52	14/1/2020	11.33 pagi
53	15/1/2020	11.33 pagi

54	16/1/2020	11.33 pagi
55	17/1/2020	11.33 pagi
56	18/1/2020	11.33 pagi
57	19/1/2020	11.33 pagi
58	20/1/2020	11.33 pagi
59	21/1/2020	11.33 pagi
60	22/1/2020	11.33 pagi
61	23/1/2020	11.33 pagi
62	24/1/2020	11.33 pagi
63	25/1/2020	11.33 pagi
64	26/1/2020	11.33 pagi
65	27/1/2020	11.33 pagi
66	28/1/2020	11.33 pagi
67	29/1/2020	11.33 pagi
68	30/1/2020	11.33 pagi
69	31/1/2020	11.33 pagi
70	1/2/2020	11.33 pagi
71	2/2/2020	11.33 pagi
72	3/2/2020	11.33 pagi
73	4/2/2020	11.33 pagi
74	5/2/2020	11.33 pagi
75	6/2/2020	11.33 pagi
76	7/2/2020	11.33 pagi
77	8/2/2020	11.33 pagi
78	9/2/2020	11.33 pagi
79	10/2/2020	11.33 pagi
80	11/2/2020	11.33 pagi
81	12/2/2020	11.33 pagi
82	13/2/2020	11.33 pagi
83	14/2/2020	11.33 pagi
84	15/2/2020	11.33 pagi
85	16/2/2020	11.33 pagi
86	17/2/2020	11.33 pagi
87	18/2/2020	11.33 pagi
88	19/2/2020	11.33 pagi
89	20/2/2020	11.33 pagi
90	21/2/2020	11.33 pagi
91	22/2/2020	11.33 pagi
92	23/2/2020	11.33 pagi
93	24/2/2020	11.33 pagi
94	25/2/2020	11.33 pagi
95	26/2/2020	11.33 pagi
96	27/2/2020	11.33 pagi
97	28/2/2020	11.33 pagi
98	29/2/2020	11.33 pagi

99	1/3/2020	11.33 pagi
100	2/3/2020	11.33 pagi
101	3/3/2020	11.33 pagi
102	4/3/2020	11.33 pagi
103	5/3/2020	11.33 pagi
104	6/3/2020	11.33 pagi
105	7/3/2020	11.33 pagi
106	8/3/2020	11.33 pagi
107	9/3/2020	11.33 pagi
108	10/3/2020	11.33 pagi
109	11/3/2020	11.33 pagi
110	12/3/2020	11.33 pagi
111	13/3/2020	11.33 pagi
112	14/3/2020	11.33 pagi
113	15/3/2020	11.33 pagi
114	16/3/2020	11.33 pagi
115	17/3/2020	11.33 pagi
116	18/3/2020	11.33 pagi
117	19/3/2020	11.33 pagi
118	20/3/2020	11.33 pagi
119	21/3/2020	11.33 pagi
120	22/3/2020	11.33 pagi
121	23/3/2020	11.33 pagi
122	24/3/2020	11.33 pagi
123	25/3/2020	11.33 pagi
124	26/3/2020	11.33 pagi
125	27/3/2020	11.33 pagi
126	28/3/2020	11.33 pagi
127	29/3/2020	11.33 pagi
128	30/3/2020	11.33 pagi
129	31/3/2020	11.33 pagi
130	1/4/2020	11.33 pagi
131	2/4/2020	11.33 pagi
132	3/4/2020	11.33 pagi
133	4/4/2020	11.33 pagi
134	5/4/2020	11.33 pagi
135	6/4/2020	11.33 pagi
136	7/4/2020	11.33 pagi
137	8/4/2020	11.33 pagi
138	9/4/2020	11.33 pagi
139	10/4/2020	11.33 pagi
140	11/4/2020	11.33 pagi
141	12/4/2020	11.33 pagi
142	13/4/2020	11.33 pagi
143	14/4/2020	11.33 pagi

144	15/4/2020	11.33 pagi	
145	16/4/2020	11.33 pagi	
146	17/4/2020	11.33 pagi	
147	18/4/2020	11.33 pagi	
148	19/4/2020	11.33 pagi	
149	20/4/2020	11.33 pagi	
150	21/4/2020	11.33 pagi	
151	22/4/2020	11.33 pagi	
152	23/4/2020	11.33 pagi	
153	24/4/2020	11.33 pagi	
154	25/4/2020	11.33 pagi	
155	26/4/2020	11.33 pagi	
156	27/4/2020	11.33 pagi	
157	28/4/2020	11.33 pagi	
158	29/4/2020	11.33 pagi	
159	30/4/2020	11.33 pagi	
160	1/5/2020	11.33 pagi	
161	2/5/2020	11.33 pagi	
162	3/5/2020	11.33 pagi	
163	4/5/2020	11.33 pagi	
164	5/5/2020	11.33 pagi	
165	6/5/2020	11.33 pagi	
166	7/5/2020	11.33 pagi	
167	8/5/2020	11.33 pagi	
168	9/5/2020	11.33 pagi	
169	10/5/2020	11.33 pagi	
170	11/5/2020	11.33 pagi	
171	12/5/2020	11.33 pagi	
172	13/5/2020	11.33 pagi	
173	14/5/2020	11.33 pagi	
174	15/5/2020	11.33 pagi	
175	16/5/2020	11.33 pagi	
176	17/5/2020	11.33 pagi	
177	18/5/2020	11.33 pagi	
178	19/5/2020	3.27 petang	Anak dilahirkan
179	20/5/2020		
180	21/5/2020	11.33 pagi	Sah hukum syarak

[41] Oleh yang demikian, berdasarkan kepada jadual pengiraan ini secara jelas menunjukkan bahawa Plaintiff telah berkahwin dengan Defenden pada 23/11/2019, pada jam 11.33 pagi, di Masjid Pasir gagah, Kemaman berwalikan bapa kandung saya bernama Anakita binti Sulong. Perkahwinan mereka didaftarkan di Pejabat Agama Daerah Kemaman. Pada 19/5/2020, pada pukul 3.27 petang Defenden telah melahirkan seorang anak perempuan yang bernama Manja bt Abdullah, Mykid:XXX519-11-XX02. Kelahiran di Hospital Chukai, Kemaman, Terengganu. Selepas dibuat

kiraan didapati adalah bahawa anak tersebut tidak mencukupi bilangan 6 bulan dengan kiraan 180 hari secara 24 jam, yang mana anak tersebut lahir dengan kiraan 178 hari sahaja.

[42] Mahkamah menengaskan bahawa dengan kiraan ini, memberi hukum bahawa anak ke atas nama Manja bt Abdullah, Mykid:XXX519-11-XX02 adalah anak tidak boleh dinasabkan kepada orang yang memohon untuk dinasabkan iaitu Plaintiff, Jojo bin Putih,KP:XXX121-11-51XX.

[43] Mahkamah menyatakan adalah kesan anak tidak sah taraf ini dijelaskan oleh Al-‘Allamah Sayyid ‘Abdur Rahman bin Muhammad bin Husain bin ‘Umar Ba ‘Alawi al-Hadhrami, *Bughyah al-Mustarsyidin fi Talkhish Fatawa Ba’dh al-Aimmah al-Muta-akhhkhirin*, Dar al-Kutub Ilmiyyah, Edt 5, 2016, hlm.397. mengenai betapa serius dan amat besar kesan keburukannya bukan sahaja kepada individu, masyarakat bahkan kepada negara:-

ملخصة مع زيادة من الإكسير العزيز للشريف محمد بن أحمد بن عنقاء في حديث: الولد للفراش الخ، إذا كانت المرأة فراشاً لزوجها أو سيدتها فأنت بولد من الزنا كان الولد منسوباً لصاحب الفراش لا إلى الزاني، فلا يلحقه الولد ولا ينسب إليه ظاهراً ولا باطناً وإن استلحقه، ومن هنا يعلم شدة ما اشتهر أنه إذا زنى شخص بأمرأة وأحبلها تزوجهها واستلحق الولد فورثه وورثته زاعماً سترها، وهذا من أشد المنكرات الشنيعة التي لا يسع أحداً السكوت عنها، فإنه خرق للشريعة ومنابذة لأحكامها، ومن لم يزله مع قدرته بنفسه وما له شيطان فاسق ومداهن منافق، وأما فاعله فكاد يخلع رقة الإسلام لأنه قد أعظم العناد لسيد الأنام، مع ما ترتب على فعله من المنكرات والمفاسد، منها حرمان الورثة وتوريث من لا شيء له مع تخليل ذلك في البطنون بعده، ومنها أنه صير ولد الزنا باستلحاقه كابنه في دخوله على محارم الزاني، وعدم نقض الموضوع بمسنه أبداً، ومنها ولايته وتزويجه نساء الزاني كبناته وأخواته ومن له عليها ولایة من غير مسوغ فيصير نكاحاً بلا ولی، فهذه أعظم وأشنع، إذ يخلل ذلك فيه وفي ذريته، ويله فيما كفاه أن ارتكب أفحش الكبائر حيث زنى حتى ضم إلى ذلك ما هو أشد حرمة منه وأفحش شناعة، وأي ستر وقد جاء شيئاً فرياً، وأحرم الورثة وأبقاءه على كور الملوين، وكل من استحل هذا فهو كافر مرتدٌ خارج عن دين الإسلام، فيقتل وتحرق جيفته أو تلقى للكلاب، وهو صائر إلى لعنة الله وعدايه الكبير، فيجب مؤكداً على ولادة الأمور زجر فاعلي ذلك وتنكيلهم أشد التنكيل وعقابهم بما يروعهم، وقد علم بذلك شدة خطر الزنا وأنه من أكبر الكبائر.

Terjemahannya:

“satu kesimpulan, bersama penambahan daripada teks syarak ‘al-Iksir al-‘Aziz, karangan as-Syarif Muhammad bin Ahmad bin ‘Anqa’ pada al-Hadith: “seseorang anak itu daripada mana hamparan(perkahwinan)...jika seseorang perempuan menjadi tempat hamparan(perkahwinan) kepada suaminya atau tuannya, tiba-tiba perempuan ini melahir anak zina, maka anak yang lahir ini dinisbahkan kepada tuan hamparan(suaminya atau tuannya)..bukan kepada lelaki zina tersebut..maka tidak boleh anak ini dibinkan kepada lelaki penzina tersebut, dan tidak boleh dinisbahkan kepada lelaki penzina ini secara zahir atau secara batin..walaupun lelaki penzina tersebut minta untuk dibinkan kepadanya. Dari sinilah dpati diketahui bahawa ia adalah sangat berat apabila berlakunya seorang lelaki berzina dengan seorang perempuan, lalu dia menyebabkan perempuan ini mengandung, dia menikahi perempuan ini, lalu dia minta anak ini dibinkan kepadanya, lalu dia mewarisi hartanya(anak zina tersebut) dan dia memberi warisan kepada anaknya, dalam keadaan dia ingin menutup aib perbuatan zina tersebut(aib isterinya yang melahirkan anak zina), ini seberat-berat perkara mungkar yang sangat keji, yang tidak layak seseorang awam berdiam diri akan perkara ini. Adalah ia mencarikkan syariat, melompongkan segala hukum-hakamnya. Orang yang tidak cuba untuk menghilangkan perkara mungkar ini dengan kuasanya, dengan hartanya, maka dia

adalah seorang digelar syaitan yang fasiq, pengampu, lagi munafiq. Maka sesiapa yang melakukannya hampirlah dia mencabut gelaran dia sebagai seorang Islam(hampir-hampir dia keluar daripada agama untuk menjadi kafir), kerana dia telah melakukan perkara besar dan dusta kepada penghulu manusia(Nabi Muhammad saw), dengan apa yang terhasil daripada perbuatannya yang mungkar dan keji iaitu:

1. Mengharamkan ahli waris daripada pusaka
2. Mewariskan seseorang yang tiada ada hak bahagian pusaka
3. Kekal anak zina ini dalam kelompak ahli waris(berkekalan mengalir harta pusaka bukan hak)
4. Menjadi anak zina kerana berbinkan bapa zina seperti anak dia sendiri
5. Akan ada masalah kepada orang-orang yang mahram bersama dengan anak zina
6. Dan (masalah) batal wuduk dengan menyentuh anak zina ini perpanjangan
7. Bapa zina menikahkan anak zina ini(bapa zina jadi wali), dan
8. Saudara bapa zina jadi wali kepada anak zina ini
9. Dan orang-orang yang menjadi wilayah kepada wali anak zina ini tanpa sebab syarie
10. Dan jadilah nikah anak zina ini sebenarnya tidak ada wali(akan timbul masalah kemudian)
11. Inilah akan terjadi lagi berat lagi teruk
12. Akan kekal pada diri bapa zina, anak zina dan keturunan zina(keturunan anak haram)
Celakalah baginya, tidak cukupkah dia melakukan dosa besar dan terus merebak kesan dosa besar tersebut dengan sebab dia melakukan dosa zin. Adakah tidak cukup lagi, sehingga dia tambah dosa dan keburukan yang lain, dosa yang hina lagi keji.layakkah semua ini untuk menutup aib?...bahkan dia melakukan perkara dusta yang besar, dia melakukan pengharaman kepada perwarisan, dia mengekalkan kekejadian ini siang dan malam. Maka siapa yang menghalalkan perbuatan menghalalkan anak zina boleh dibinkan kepada bapa zina adalah kafir(kerana menghalalkan yang haram), murtad, keluar agama Islam..dan hendaklah orang ini dibunuh, dibakar bangkai mayat ini, atau diberi makan kepada anjing-anjing..orang-orang ini mengundang kepada laksana Allah swt. Dan akan mendapat azab yang besar lagi pedih..maka wajib ditekankan dan diberatkan hukuman oleh pemerintah..memberi amaran orang kepada orang yang melakukan perbuatan haram ini, dan memberi hukuman siksaan yang menyakiti kepada orang-orang ini..beratkan hukuman kepada orang-orang ini..dan memberi hukuman yang menakutkan mereka..maka dapatlah mengetahui bahawa besarnya dosa zina dan kesannya yang mana merupakan sebesar-besarnya dosa besar.”

Keputusan

ATAS TUNTUTAN Plaintiff, Tuntutan ini dipanggil untuk perbicaraan di dalam Mahkamah Terbuka, Mahkamah Rendah Syariah Daerah Kemaman, Terengganu dengan kehadiran Plaintiff dan Defendan. Setelah mendengar keterangan yang diberikan oleh Plaintiff beserta penyata tuntutan dan keterangan Defendan, **MAKA PADA HARI INI TUAN HAKIM TELAH MEMBUAT PERINTAH-PERINTAH BERIKUT :-**

1. **SAYA SABIT** berdasarkan kepada pembuktian yang dikemukakan melalui keterangan dan dokumentar, bahawa akadnikah perkahwinan antara **Plaintif, Jojo bin Putih,KP:XXX121-11-51XX** dengan **Defendan, Spna binti Anakita,KP:XXX228-11-0058** telah diadakan mengikut Hukum Syara' pada 00 Rabiul Awal 14XXH, bersamaan 00 November 20XXM, jam 1.33 pagi. **DAN SAYA JUGA SABIT** bahawa anak dalam kes tuntutan penentuan nasab anak ini adalah **Manja binti Abdullah, MyKid : XXX519-11-XX02** telah dilahirkan pada 00 Ramadhan 14XXH, bersamaan 00 Mei 20XXM, jam 03.27 petang.
2. **SAYA SABIT** bahawa tempoh kelahiran anak tersebut, **Manja binti Abdullah, MyKid : XXX519-11-XX02** berdasarkan tarikh lahir dan tarikh akadnikah Plaintiff dengan Defendan

adalah **178 hari 8 jam 6 minit** iaitu kurang dari tempoh 6 bulan (180 hari) 2 lahzoh yang membolehkan nasab seseorang anak disabitkan kepada bapa mengikut Hukum Syara'.

3. **SAYA TIDAK SABIT** bahawa anak tersebut,**Manja binti Abdullah, MyKid : XXX519-11-XX02** yang telah dilahirkan telah dilahirkan pada **6 Ramadhan 1441H, bersamaan 19 Mei 2020M, jam 03.27 petang** **ADALAH ANAK YANG TIDAK SAH TARAF** di sisi Hukum Syara' dan undang-undang yang **TIDAK BOLEH DINASABKAN** kepada **Plaintif, Jojo bin Putih,KP:XXX121-11-51XX** sebagai bapa kandung.
4. **SAYA PERINTAH** kos ditanggung oleh pihak-pihak

DIBERI DI BAWAH TANDATANGAN Saya dan Meterai Mahkamah Rendah Syariah Daerah Kemaman pada hari ini 00 Zul Hijjah, 14XX Hijrah bersamaan 00 Ogos, 20XX.